

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M  
PARAMESWARAN (BATU)**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pembinaan rumah PPR ini benar-benar menempati keperluan B40 di setiap negeri, di mana pembinaan dibuat berdasarkan bilangan data isi rumah yang memerlukan rumah sewa PPR di setiap negeri, bekas Menteri KP KT mengumumkan pada Ogos 2021 bahawa sehingga Ogos 2021, KP KT akan membina 11 projek perumahan 4000 unit PPR diseluruh negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah untuk membuat penempatan semula setinggan dan bagi memenuhi keperluan rumah untuk golongan berpendapatan rendah (B40). Penentuan kriteria perancangan dan pelaksanaan projek PPR ini adalah berdasarkan perbincangan bersama kerajaan negeri yang telah mengenal pasti kawasan tumpuan golongan B40, cadangan tapak yang disyorkan oleh kerajaan negeri serta permohonan PPR yang tinggi. Selain itu, kesesuaian tapak, keperluan setempat atau faktor demografi turut diambil kira selain aspek kemampuan kewangan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengumuman 11 projek sebanyak 4,120 unit dibuat berdasarkan perancangan separuh penggal kedua RMKe-11. Walau bagaimanapun, bagi RMKe-12 senarai projek-projek dalam perancangan yang telah dikemas kini dan mengambil kira semakan semula serta rasionalisasi ke atas perancangan PPR kepada 8 projek yang melibatkan 2,893 unit rumah bagi tahun 2021. Melalui semakan semula perancangan, Kerajaan akan lebih memfokuskan kepada kawasan yang benar-benar mempunyai permintaan PPR yang tinggi di samping lokasi yang strategik serta tapak yang sesuai untuk pembangunan perumahan PPR. Selain itu, Kerajaan juga dapat membantu golongan berpendapatan rendah untuk menduduki rumah yang lebih selesa dan selamat.

Sekiranya terdapat keperluan PPR di sesebuah lokasi, Ahli Yang Berhormat bagi kawasan terlibat boleh mencadangkan kepada kerajaan negeri. Seterusnya, kerajaan negeri akan selaraskan permohonan dengan pihak KPKT beserta tapak cadangan lokasi milik kerajaan negeri yang bersesuaian. KPKT akan mengemukakan permohonan peruntukan untuk pembinaan PPR tersebut kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) tertakluk kepada kesesuaian lokasi yang dicadangkan.

Sekian, terima kasih.